

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 OKTOBER 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kerajaan peruntuk RM273.9 bilion urus, bangunkan negara	Berita Harian
2	UMP paten produk lindungi harta intelek	Berita Harian
3	Water level at dam hits 40%	The Star
4	Flood woes continue in Sabah	The Star
5	Sabah akan bincang dengan kerajaan pusat kerugian akibat banjir - Musa	Bernamea.com
6	Haji: SIRIM pantau pengendalian jemaah oleh tabung haji	Bernamea.com
7	IAEA visit to Lynas plant meaningless, claims reps	The Star

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 37
TARIKH: 11 OKTOBER 2014 (SABTU)

Kerajaan peruntuk RM273.9 bilion urus, bangunkan negara

Tindakan ke-13: Membangunkan Perusahaannya Kecil dan Sederhana.

Kini, sumbangan PKS kepada KDNK adalah sebanyak 33 peratus dan kita mensasarkan peningkatan kepada 41 peratus menjelang tahun 2020. Maka, bagi merancakkan pembabitan PKS dalam aktiviti ekonomi, kerajaan mencadangkan pelaksanaan SME Investment Partner, di mana PKS akan diberi bantuan pembiayaan dalam bentuk pinjaman, ekuiti atau kedua-duanya, terutama pada peringkat *stan-up*. Dana permulaan berjumlah RM375 juta akan disediakan untuk tempoh lima tahun, di mana RM250 juta adalah daripada SME Bank dan RM25 juta lagi daripada pelabur swasta. Di bawah SME Corp pula, RM10 juta akan diperuntukkan untuk Business Accelerator Programme.

Sebagai meningkatkan penggunaan teknologi baharu, automasi dan inovasi dalam pembangunan PKS pula, sebanyak RM80 juta ringgit diperuntukkan untuk Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan PKS di bawah Malaysian Industrial Development Finance Berhad.

Tuan Yang Dipertua,

Di sudut lain, TEKUN juga telah menyalurkan pinjaman berjumlah RM3.1 bilion kepada hampir 300,000 orang peminjam dengan had pembiayaan di antara RM1,000 hingga RM100,000. Pada tahun 2015, TEKUN akan menyediakan tambahan dana pembiayaan sebanyak RM500 juta, diagihkan seperti berikut:

Pertama: RM350 juta diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera yakni hampir

3,000 orang peminjam baharu; kedua: RM50 juta dikhususkan kepada Skim Pembiayaan Usahawan India, dijangka memanfaatkan 5,000 peminjam kaum India; ketiga: RM50 juta diperuntukkan kepada Program Pembangunan Usahawan Wanita Muda Profesional yakni pembiayaan kepada 5,000 peminjam wanita profesional; dan keempat: RM50 juta diperuntukkan kepada Program Pembangunan Usahawan Bekas Tentera, yang menawarkan pembiayaan kepada 5,000 orang bekas tentera.

Seiring itu, bagi membantu PKS kaum Cina, kerajaan akan menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM50 juta, manakala bagi penjaja dan peniaga kecil sebanyak RM30 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan ke-14: Pembangunan Inovasi dan Pengkomersialan

Ketika ini, nisbah R&D kepada KDNK adalah rendah jika dibanding dengan negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan, Justeru, Kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi melaksanakan program berkaitan, antaranya:

Pertama: Mensasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi dikomersialkan dalam tempoh lima tahun akan datang; menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti R&D&C yang berimpak tinggi;

Keempat, memperkenalkan inisiatif baharu iaitu Public Private Research Network yang diterajui Kementerian Pendidikan dengan kerjasama MTDC dengan peruntukan sebanyak RM50 juta dan kelima, memperkukuhkan program Technology Commercialization Platform oleh Agensi Inovasi Malaysia dengan tambahan RM50 juta.

UMP paten produk lindungi harta intelek

» Universiti cari rakan strategik komersialkan ciptaan



Pelajar UMP menunjukkan produk Pisoptera yang mesra alam dan dihasilkan daripada tandan kosong sawit yang menjadi umpan tiruan untuk membunuh anai-anai.



Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan (dua dari kiri), diiringi Daing Nasir (tengah) melihat produk G-Brick yang lebih mesra alam dan menjadikan suhu bangunan sejuk hasil penyelidikan penyelidik UMP ketika melawat kampus induk UMP di Kuantan, baru-baru ini.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sudah memfailkan 254 produk, termasuk 15 cap dagangan, tiga reka bentuk industri, 43 hak cipta dan 193 paten sebagai langkah perlindungan harta intelek milik universiti berkenaan.

Setakat ini, empat daripada produk universiti berkenaan sudah dikomersialkan iaitu Asar Fonts, Pisoptera, Base Oil dan ba-

tu-bata G-Brick.

Cari rakan kongsi strategik

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata terdapat 11 produk universiti terbit kini dalam proses pra komersial dan sedang mencari rakan kongsi strategik bagi mengeluarkannya dalam skala besar.

"Antara produk itu ialah Di-



aClean, Extraction dan Formulation of Biochemical Products from Keratin Protein Derived from Chicken feather, Emulsion Fuel dan High Performance Grease.

"Kita juga ada produk i-TOOLS, K-Heart, E-Majallah, Shariah Compliance Application, Anti Hysteria Kit dan E-MySL.

"Semua produk ini sudah sedia untuk dipasarkan, dan kita sedang mencari rakan strategik yang boleh menghasilkan produk ini pada skala besar untuk dipasarkan kepada pengguna," katanya.

Daing Nasir berkata, bermula tahun 2009 sehingga tahun ini, sebanyak 1,061 projek penyelidikan sudah dijalankan termasuk Geran dalam UMP (717) dan Geran Luar daripada Kementerian seperti agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (satu), Kementerian Pendidikan Malaysia (315), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (21) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (satu).

INFO

Jumlah penyelidikan dijalankan sejak 2009

- 1,061 penyelidikan
- 717 melalui geran dalaman universiti
- 17 geran secara kontrak
- empat daripada Geran Antarabangsa

Mempunyai enam pusat kecemerlangan

- Pusat Kecemerlangan Automatif (AEC)
- Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM)
- Pusat Kecemerlangan IBM
- Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF)
- Pusat Kecemerlangan Nadir Bumi
- Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aromatik

"Kita turut menerima enam geran penyelidikan daripada agensi luar, selain 17 geran penyelidikan secara kontrak daripada pelbagai agensi.

"Kita juga mengendalikan Kluster Pembinaan bersama CIDB, MRCB, Sunway Construction Sdn Bhd, Hanson Heidelberg Cement Group dan WCT Berhad.

"Bagi Kluster Elektrik dan Elektronik pula, kita menjalankan kerjasama dengan Agilent Technologies dan Silterra Malaysia, Kluster Bioteknologi dengan Biocon Ltd, CJ Bio Malaysia dan Malaysian Bio-Xcell," katanya.

Empat geran antarabangsa

"Bagi penyelidikan yang dijalankan sejak tahun 2012 pula, UMP menerima empat geran antarabangsa," katanya.

Sementara itu, bagi memantapkan lagi fungsi universiti berkenaan, UMP turut menubuhkan pusat kecemerlangan industri (ICoE) yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan bagi mengukuhkan hubungan antara universiti dan industri.

Katanya, setakat ini pihaknya memiliki lima ICoE iaitu Kluster Automatif dengan kerjasama Sapura Industrial Berhad dan Miyazu Sdn Bhd, Kluster ICT bersama IBM Malaysia, Basecamp VFX Sdn Bhd dan Motorola Solutions.

Miliki 6 pusat kecemerlangan

Beliau berkata, selain memiliki ICoE, UMP turut memiliki enam pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automatif (AEC), Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Pusat Kecemerlangan IBM, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF), Pusat Kecemerlangan Nadir Bumi dan terbaru, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aromatik.

Daing Nasir berkata, UMP memainkan peranan aktif dalam menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

INFO

Jumlah Produk dimiliki UMP

- 254 sudah difailkan
- 15 sudah memiliki cap dagangan
- tiga sudah memperoleh reka bentuk industri
- 43 memiliki hak cipta
- 193 dipatenkan

Produk yang sudah dikomersialkan

- Asar Fonts - perisian Arab dan Jawi bagi menyelesaikan permasalahan karakter transliterasi huruf Arab dan karakter Jawi.
- Pisoptera - umpan tiruan daripada tandan kosong sawit bagi membunuh anai-anai
- Base Oil - ekstrak minyak masak buangan untuk dijadikan bahan kitar semula
- G-Brick - batu-bata mesra alam dihasilkan dengan formula gabungan bahan terbuang, red gypsum, daripada industri penghasilan serbuk putih titanium dioksida



Perisian Asar Font yang dibangunkan UMP mampu menyelesaikan permasalahan karakter transliterasi huruf Arab dan karakter Jawi.

